

Peruntukan Hampir Semua Kementerian Dinaikkan Dalam Bajet 2013 - Ahmad Husni Bernama
8 September, 2012

IPOH, 8 Sept (Bernama) -- Secara keseluruhannya, peruntukan kepada hampir semua kementerian akan dinaikkan menerusi Bajet 2013 yang dijadualkan dibentangkan di Parlimen, 28 Sept ini, kata Menteri Kewangan Kedua Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah.

Beliau berkata Kabinet telah meluluskan draf Bajet 2013 yang telah dibentangkan kepada jemaah menteri pada mesyuaratnya Rabu lepas dan pihaknya telah meneliti satu persatu perbelanjaan kesemua kementerian.

"Kita telah meminta bantuan Bank Dunia dan di bawah Inisiatif Pembaharuan Strategik,, kita telah meneliti perbelanjaan (kementerian) satu persatu. Jadi, asasnya, kesemua kementerian akan mendapat peruntukan dan hanya satu atau dua akan berkurangan berikutan inisiatif rasionalisasi," katanya kepada pemberita ketika menghadiri jamuan Rumah Terbuka Aidilfitri anjuran pasar raya borong Mydin di Gugusan Manjoi di sini pada Sabtu.

Berhubung beberapa perkara yang dibangkitkan sejak tahun lepas, antaranya mengenai cukai, cukai pendapatan dan cukai korporat, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak akan mengumumkan perkara itu, katanya.

"Tetapi, kita tidak berhasrat untuk meningkatkan kadar cukai," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=693101>